

**TALKING POINT**

**BRIG. JEN. DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSELOR UniMAP**

**PADA MAJLIS FLAG OFF KONVOI JALUR GEMILANG**

**UniMAP 2010**

**DI DEWAN SERBAGUNA KUBANG GAJAH**

**PADA 30 OGOS 2010**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP.

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP.

Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan,

Yang Berusaha, Kol Zainuddin Mustaffa, Penggerusi Penganjuran Program Konvoi Merdeka,

Anak-anak mahasiswa UniMAP yang juga peserta konvoi, wakil-wakil media

Seterusnya hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, pada petang 20 Ramadhan ini kita warga UniMAP berhimpun di sini untuk melaksanakan satu misi untuk menyemarakkan semangat patriotik dikalangan generasi muda sempena sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan negara yang ke-53 esok.

Meski anak-anak ini tidak wujud lagi ketika Tuanku Abdul Rahman melaungkan gema MERDEKA pada 31 Ogos 1957, namun, saya amat berbangga, kerana anak-anak ini masih mahu menghayati semangat kemerdekaan itu dalam konteks masa kini.

Tanpa pertumpahan darah, tanpa persengketaan, tanpa peperangan anak-anak ini berjuang dalam ruang lingkup mereka sebagai mahasiswa, sebagai bakal pemimpin negara. Untuk anak-anak yang saya kasihi, terimalah gugusan puisi ini untuk membangkitkan semangat anda sekalian.

Malaysiaku yang tercinta,

Menggapai merdeka,

Ketika cinta ini masih mekar,

Menghirup udara segar,

Tanpa rasa gusar,

Tanpa rasa gelisah,  
Mengharungi dunia era siber,  
Tanpa ada batasan,  
Tanpa ada sempadan,  
Dunia moden mencanak pembangunan,  
Tinggi-tinggi bangunan dibina,  
Setinggi merdeka bumi tercinta.

Tanah airku tercinta,  
Anak-anak luar batasan minda,  
Anjakkan paradigma,  
Minda kelas pertama,  
Idea-idea kuno diinovasi,  
Mencipta suatu keajaiban,  
Membuka mata seluruh dunia,  
Professor, guru, ahli sukan, arkitek  
Mahupun jurutera,  
Masing-masing mencipta nama,  
Dipersada dunia.

Tanah airku tercinta,  
Lindungan bagai tirai besar,  
Menjaga negara dari ternoda,  
Untuk kali kedua,  
Anak-anak generasi teknologi,  
Usah lagi bermain mimpi,  
Bangkit dan terus melangkah,  
Menujuk ke hadapan,  
Mempertahankan merdeka,  
Dengan bermaruah,  
Agar dapat cucu-cicitku,  
Merasa merdeka selamanya.

Malaysia tanah airku tercinta,  
Terima kasihku padamu,  
Melayar bahtera merdeka,  
Aku selesa,  
Dibawah lindungan merdeka.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.